

26 JAN 1996

MAURITIUS BOLEH JADI PINTU MASUK KE PASARAN AFRIKA

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Mauritius boleh menjadi pintu masuk kepada para pelabur Malaysia untuk memasuki pasaran Afrika, di samping menawarkan pelbagai peluang perniagaan terutamanya sektor pembuatan dan pelancongan.

Menteri Industri, Teknologi Perusahaan, Penyelidikan Saintifik dan Kraftangan Mauritius, Jayakrishna Cuttaree berkata di samping dasar ekonomi negara itu yang stabil, ia juga menawarkan prasarana yang menarik dan tenaga buruh yang diperlukan.

Beliau menyatakan Mauritius mengangotai sebuah persatuan serantau kecil mengandungi 23 negara Timur dan Afrika Selatan yang dikenali sebagai "Comesa", persatuan itu boleh menawarkan pasaran dan mengandungi penduduk 300 juta orang.

Sejak lima tahun yang lalu pelaburan Malaysia di Mauritius bernilai RM150 juta.

Bercakap di satu seminar berkaitan dengan peluang pelaburan di Mauritius di sini hari ini, Cuttaree berharap perjumpaan dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok akan membawa lebih banyak pelaburan ke Mauritius.

Perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara telah meningkat sejak beberapa tahun yang lepas.

Dalam tahun 1993, nilai perdagangan berjumlah AS\$29.4 juta (RM75.26 juta) tetapi kemudiannya jatuh kepada AS\$24.3 juta (RM62.20 juta) dalam tahun 1994.

Bagi tempoh tiga suku pertama 1995, perdagangan dua hala telah mencatatkan AS\$19.4 juta (RM49.66 juta), iaitu kenaikan 31.9 peratus berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1994.

Penyumbang ekonomi utama Mauritius ialah sektor pembuatan dan diikuti oleh sektor pertanian dan pelancongan.

Cuttaree menyatakan sektor pelancongan negara itu memberikan tumpuan kepada para pelancong yang berbelanja besar dan sekitar 200,000 pelancong melawat negara itu setiap tahun.

"Kami berharap jumlah pelancong akan meningkat kepada 600,000 orang setahun," kata beliau.

Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia, V K K Teagarajan, yang turut berucap berkata, "kami sedar Mauritius tidak begitu gembira dengan imbalan perniagaan di antara kedua-dua negara itu, yang mana lebih menyebelahi Malaysia."

Beliau berkata Mauritius harus membantu Malaysia dalam memperbaiki kedudukan itu, dan beliau mencadangkan Mauritius memasarkan destinasi pelancongannya kepada rakyat Malaysia secara aktif. -- BERNAMA